

17/07/2001

Dr Mahathir pengerusikan mesyuarat

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat pra majlis sidang Dewan Rakyat penggal ketiga di Parlimen.

Mesyuarat kira-kira sejam yang bermula pada jam 8.30 pagi itu dihadiri wakil-wakil rakyat dan senator Barisan Nasional (BN).

Selepas majlis itu, Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) meraikan Dr Mahathir sempena genap 20 tahun beliau menerajui kerajaan. Doa selamat dibacakan oleh penasihat agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman.

(END)